

15/11/1999

Masa baik untuk membeli

Fred Tam

INDEKS penanda aras Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Indeks Komposit melonjak lebih 20 mata Rabu lalu selepas pasaran mendapat khabar pilihan raya umum kian tiba dengan berita Perdana Menteri membatalkan rancangan untuk menghadiri mesyuarat ketua kerajaan Komanwel di Afrika Selatan.

Pengumuman Dr Mahathir Mohamad pada Rabu mengenai pilihan raya mengakhiri spekulasi berbulan-bulan. Pengumuman itu tetap mengejutkan kerana sehari sebelumnya ramai penganalisis menyatakan pilihan raya umum mungkin diadakan tahun depan.

Berikutan pengumuman pembubaran Parlimen, pasaran saham disuntik kecergasan dan seterusnya Indeks Komposit melonjak 20 mata sebelum ditutup pada 728.81 mata atau peningkatan 13.27 mata pada akhir dagangan Rabu lalu.

Kegiatan pengambilan untung yang kelihatan berlaku menjelang penutup dagangan Rabu lalu, berterusan pada Khamis dan Jumaat untuk mengehadkan rali seterusnya. Berikutan kegiatan itu, IK ditutup 721.52 Jumaat lalu.

Berbanding minggu sebelumnya, IK tidak banyak berubah. Paras penutup minggu lalu hanya 0.17 mata lebih tinggi dari minggu sebelumnya. Prestasi yang agak tidak bermaya itu berbeza dengan penutup kukuh yang dicatatkan oleh Bursa Saham Singapura dan Hong Kong yang masing-masing menyaksikan lonjakan 74 mata atau 3.5 peratus kepada 2,185 mata dan 579 mata atau 4.3 peratus kepada 14,189 mata.

Persoalan bagi pelabur di BSKL sekarang sama ada untuk membeli pada masa ini atau selepas pilihan raya. Nasihat yang konvensional ialah untuk tidak memasuki pasaran sehingga selepas pilihan raya. Namun terdapat juga pelabur yang menyimpang dari pemikiran majoriti. Pelabur sedemikian mungkin menasihatkan kita bahawa masa terbaik untuk memasuki pasaran ialah hari dagangan selepas hari penamaan calon iaitu 20 November ini.

"Calon dari kedua pihak perlu diteliti dulu sebelum memasuki pasaran. Siapa yang menang atau banyak mana majoriti yang dikuasai boleh dianggarkan selepas calon dinamakan," kata seorang pelabur runcit wanita yang datang ke pejabat kami Jumaat lalu.

"Kenapa tidak membeli selepas keputusan pilihan raya diketahui?" kami bertanya kepada wanita itu. Beliau berkata jika berbuat demikian hilanglah peluang seseorang pelabur untuk meraih keuntungan besar. Seterusnya beliau menyenaraikan beberapa alasan untuk membeli sekarang. Pertama, dana tempatan mungkin memasuki pasaran untuk menyokongnya. Kedua, pertelagahan di kalangan parti pembangkang mungkin melemahkan peluang mereka untuk menang. Selain itu kegiatan jualan paksa oleh broker agak terhad kerana jualan paksa untuk jumlah urus niaga yang tinggi pada 20 Oktober lalu sudah tamat pada 9 November iaitu hari dagangan tinggi Rabu lalu. Jika rali tidak muncul dalam tempoh terdekat ini, jualan paksa mungkin dilihat lagi 18 November. Ini bermakna satu pilihan ialah untuk membeli selepas Khamis itu, iaitu sehari selepas jualan paksa oleh broker untuk mengimbangkan kedudukan kontra sesetengah pelabur.

Selain daripada faktor berkenaan ramai yang terlupa bahawa faktor asas ekonomi Malaysia semakin kukuh. Keputusan kewangan cemerlang oleh Public Bank Maybank dan Pacific Bank turut mencerminkan pemulihan ekonomi negara. Standard dan Poor's juga sudah meningkatkan penarafan Malaysia berikutan pengukuhan ekonomi yang lebih baik dari jangkaan.

Berikutan faktor berkenaan pelabur wanita yang melawat pejabat kami itu lebih berkeyakinan untuk membeli sekarang dan mula mengetepikan pendapat

supaya membeli selepas hari penamaan calon.

"Satu lagi sebab kenapa saya perlu membeli sekarang ialah kerana saya seorang contrarian. Sebagai contrarian saya mesti membeli apabila ramai yang menjual dan menjual beli ramai yang membeli. Saya membeli sekarang kerana carta menunjukkan pasaran kini dalam fasa Arus 5 yang akan meningkat untuk menguji paras 1,000 mata dalam beberapa bulan lagi selaras dengan arah aliran serantau. Saya juga membeli sekarang kerana saya adalah pelabur jangka panjang yang tidak menghiraukan turun-naik jangka pendek," katanya.

Selain itu, beliau menambah terdapat premium 17 mata bagi kontrak hadapan November berbanding paras penutup pasaran tunai Jumaat lalu.

Premium itu tercatat meskipun petunjuk teknikal yang dimantau masih dalam kedudukan meleset, kami memberitahu beliau.

Wanita itu berkata petunjuk teknikal tidak berguna ketika pasaran dalam Arus 4. Berikutan itu, beliau mengakhiri perbincangan kami lalu mengeluarkan telefon bimbitnya dan terus mendial dan memberi arahan supaya membeli 10 lot kontrak hadapan November meskipun ketika itu jam sudah melepasi 5 petang Jumaat lalu.

(END)